

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENGASINGAN SISA DI
PUNCA KADUN SUNGAI DUA
DEWAN MASYARAKAT SUNGAI DUA,
1 OKTOBER 2016 (SABTU), 9.00 AM**

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan
Alam Sekitar

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha Encik Zahar Bin Zainul

Pegawai Penerangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berusaha Encik Rosli Hassan

Pegawai Penyelaras KADUN Sungai Dua

Ketua - ketua Jabatan

Wakil dari setiap JKKK Sungai Dua

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera,

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kerana sudi menjemput saya ke Majlis Pelancaran Program Pengasingan Sisa di Punca KADUN Sungai Dua.

Saya dimaklumkan bahawa taklimat pengasingan sisa di punca akan diberi kepada wakil setiap JKKK Kadun Sungai Dua mengenai cara-cara dan kewajiban pelaksanaan dasar ini. Keterbukaan Pejabat KADUN Sungai Dua dalam menganjurkan taklimat ini merupakan satu langkah permulaan yang penting untuk membentuk sebuah komuniti yang lestari dan sihat dengan mengamalkan pengasingan di punca.

Para hadirin yang dihormati,

Bermula 1 Jun 2016 yang lepas, pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca telah dilaksanakan di seluruh Negeri Pulau Pinang. MPSP bertanggungjawab dalam memungut sisa kitar semula bagi kawasan taman perumahan sahaja. Bagi kawasan perumahan strata, ianya adalah dibawah tanggungjawab pihak Pengurusan / *joint management body(jmb)* / *management comitee (mc)*. Pihak Pengurusan / jmb / mc perlu dan memastikan agar dasar ini dilaksanakan dikawasan operasinya.

Saya ingin memaklumkan di sini sejak bermulanya pelaksanaan dasar ini, jumlah kutipan barang kitar semula oleh MPSP dari kawasan perumahan di seluruh Seberang Perai adalah sebanyak:

BULAN	BERATAN BARANG KITAR SEMULA (KG)
JUN	21773.5
JULAI	45563.5
OGOS	34375
SEPTEMBER (sehingga 17 September)	25419
JUMLAH	127131

MPSP telah membuat kutipan barang kitar semula di kawasan skim perumahan sahaja meliputi keseluruhan kawasan operasinya (kesemuanya 39 zon). Bagi lain-lain kategori, ianya diuruskan oleh pihak pengurusan dan tarikh atau kekerapan penjualan bergantung kepada kapasiti barangan yang dikumpulkan. Di taman perumahan, selain kutipan oleh MPSP, terdapat lain-lain kutipan seperti :

- i. Penduduk sendiri membuat pengasingan dan menjual sendiri kepada agen kutipan.
- ii. Penduduk menghantar ke pusat pengumpulan berpusat dan menjual melalui agen yang dilantik oleh mereka.
- iii. Terdapat pengumpul barangan kitar semula persendirian (scavenger) yang bergerak di kawasan taman perumahan.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan kepada dua kategori iaitu, barang kitar semula dan sisa baki. Kaedah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Kaedah ini dipilih kerana mudah dilaksanakan dan mudah diterima oleh masyarakat. Tanggungjawab pihak Pengurusan / jmb / mc adalah untuk menyediakan tong kitar semula agar penduduk / penghuni / penyewa

dapat memasukkan barang kitar semula kedalam tong berkenaan. Hasil jualan barang kitar semula ini dapat digunakan semula untuk kegunaan faedah penduduk. Selain itu, MPSP juga berharap dan akan memastikan bahawa amalan pengasingan sisa di punca akan diamalkan di pasar malam / pasar / pasar pagi / uptown / kompleks penjaja.

Menguruskan sisa bukanlah satu kerja yang mudah, kerana ia memerlukan kerjasama antara semua iaitu penduduk dan pihak MPSP sendiri. Setiap hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan pecahan 1100 tan daripada MPSP dan 700 tan daripada MBPP. Lama kelamaan, tapak pelupusan ini akan penuh dan tapak baru harus dikenal pasti dan disediakan untuk menampung sisa negeri. Mencari tapak baru di negeri Pulau Pinang untuk tapak pelupusan sampah baru adalah mencabar kerana tanah adalah terhad dan mahal.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 *tipping free* dalam sehari. Kita sedia maklum, *tipping fee* bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan

dalam tempoh sebulan ke atas *tipping fee* ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM4 juta.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Jumlah perbelanjaan untuk pembersihan dan juga peratusan daripada seluruh perbelanjaan dari tahun 2010 sehingga tahun 2015 adalah seperti berikut :

Tahun	*Kos Pembersihan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	% Kos Pembersihan drp keseluruhan Perbelanjaan
2010	46,596,729	144,633,151	32%
2011	46,532,026	160,057,042	29%
2012	51,927,624	174,424,152	30%
2013	66,627,772	197,069,228	34%
2014	71,562,368	210,533,482	34%
**2015	81,305,056	228,063,399	36%

Bagi meningkatkan persekitaran yang lebih bersih, MPSP telah memperuntukkan 35.4% atau RM98.84 juta daripada keseluruhan peruntukan perbelanjaan 2017 untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal. Tahap keutamaan ke atas perkhidmatan MPSP menunjukkan kebersihan menjadi keutamaan warga Seberang Perai.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa baki dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang di hantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita. Sehingga kini, MPSP telah menjalankan sebanyak 196 aktiviti seperti ceramah kitar semula, pameran LA21, bengkel sekolah hijau, taklimat pengasingan sisa di punca, bengkel *up-cycle*, bengkel membuat kompos dan bengkel membuat mudball. Ini adalah antara usaha MPSP untuk meningkatkan kesedaran rakyat di Seberang Perai tentang kepentingan untuk menangani sisa dan menjadikan kitar semula sebagai satu tabiat. Sukacita saya ingin maklumkan bahawa sokongan yang diterima oleh MPSP amat menggalakkan bagi aktiviti-aktiviti ini.

- **ANUGERAH SEKOLAH TADIKA**

PENGLIBATAN SEKOLAH TADIKA		
TAHUN	2014	2015
JUMLAH SEKOLAH	46	54

- **ANUGERAH SEKOLAH HIJAU**

SEKOLAH	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
SEKOLAH RENDAH	14	19	33	59	72	99	104
SEKOLAH MENENGAH	16	17	20	27	34	42	45
JUMLAH	30	36	53	86	106	141	149

- **KEBUN KEJIRANAN (COMMUNITY FARMING)**

1. TAMAN DESA DAMAI
2. TAMAN PANDAN
3. TAMAN PERMAI, NIBONG TEBAL
4. TAMAN BUKIT PANCHOR
5. TAMAN PUTRI GUNUNG
6. TAMAN TAMBUN INDAH
7. TAMAN KEENWAYS
8. TAMAN GEMILANG
9. TAMAN JANGGUS JAYA
10. KAMPUNG PERMATANG NIBONG
11. TAMAN BAGAN LALANG
12. TAMAN SENTOSA

Hadirin yang dirahmati,

Kadar kitar semula di Pulau Pinang merupakan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 32% dan kadar kitar semula MPSP adalah 39%. Ini telah melebihi kadar sasaran iaitu 20% yang ingin dicapai diperingkat kebangsaan menjelang 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju.

Program pengasingan sisa di punca ini secara langsung dapat mendidik masyarakat untuk menjadikan pengasingan sisa di punca sebagai satu amalan harian. Bermula dari tempat kerja hinggalah ke dalam institusi kekeluargaan maka pengembelengan kedua-dua institusi ini pasti dapat menjadikan Seberang Perai dan sekaligus Pulau Pinang sebuah negeri yang mengamalkan sisa sifar dengan jayanya.

Jika warga Seberang Perai dapat mengamalkan pengasingan di punca, ianya akan menjadi satu tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.